



**PROGRAM PENAJAAN PENGAJIAN TERTIARI 2020**  
**TERTIARY EDUCATION SPONSORSHIP PROGRAMME (TESP 2020)**

**1. Apakah itu Program Penajaan Pengajian Tertiar (TESP 2020)?**

Program Penajaan Pengajian Tertiar adalah program penajaan berbentuk **Pinjaman Boleh Ubah** di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk pelajar lepasan STPM 2019, Matrikulasi / Asasi / Diploma dan setaraf yang telah ditawarkan pengajian peringkat Ijazah Pertama dalam bidang dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terpilih bagi sesi kemasukan **Julai 2020**. Pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama juga boleh memohon.

**2. Apakah syarat kelayakan yang ditetapkan oleh pihak MARA?**

Syarat kelayakan Program ini boleh dirujuk dalam garis panduan permohonan yang diletakkan di Portal MARA.

**3. Dimanakah saya boleh menyemak senarai bidang dan Institusi Pengajian Tinggi terpilih yang ditetapkan oleh pihak MARA?**

Senarai tersebut boleh dirujuk di dalam garis panduan permohonan yang diletakkan di Portal MARA.

**4. Saya sedang mengikuti pengajian peringkat Diploma, adakah saya layak memohon?**

Tidak boleh. Program ini dibuka kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Pertama sahaja.

**5. Saya berada di tahun kedua dan sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di IPT tempatan, adakah saya layak memohon?**

Anda layak memohon Program TESP ini sekiranya Institusi Pengajian Tinggi anda berada di dalam senarai IPT yang dipilih oleh MARA.

**6. Adakah Program TESP 2020 ini adalah Basiswa yang ditawarkan oleh MARA?**

Ini adalah pinjaman bolehubah. Pelajar digalakkan membuat permohonan pengurangan bayaran balik setelah tamat pengajian nanti. Selain itu, pinjaman ini tidak dikenakan sebarang kadar faedah.

**7. Bagaimanakah cara untuk memohon Program TESP 2020?**

Permohonan boleh dibuat secara atas talian (online) melalui laman web rasmi MARA <http://www.mara.gov.my> apabila permohonan dibuka. Pemohon hendaklah mendaftar terlebih dahulu sebelum mengisi permohonan. Pemohon juga dinasihatkan membaca dan memahami panduan yang disediakan sebelum membuat permohonan.



**PROGRAM PENAJAAN PENGAJIAN TERTIARI 2020  
TERTIARY EDUCATION SPONSORSHIP PROGRAMME (TESP 2020)**

- 8. Bilakah permohonan TESP 2020 akan dibuka?**  
Permohonan dibuka selama 5 hari bermula **6 Julai 2020 (Isnin) jam 10.00 pagi hingga 10 Julai 2020 (Isnin) jam 12.00 tengahari.**
- 9. Bolehkah saya memohon Program TESP 2020 sekiranya Ibu/bapa saya telah disenaraihitam MARA?**  
Tidak boleh. Ibu, ayah, penjaga, penjamin dan pemohon perlu bebas dari senarai hitam MARA. Pemohon dinasihatkan menyemak status senarai hitam di Bahagian Kawalan Kredit MARA sebelum memohon Program TESP 2020.
- 10. Saya mendapat PNGK 3.0 di peringkat asasi tahun 2018. Bolehkah saya memohon?**  
Ya, boleh. Permohonan hanya dibuka kepada pelajar-pelajar lepasan asasi dan setaraf yang telah tamat pengajian pada 2019 sahaja.
- 11. Adakah saya perlu menghantar apa-apa dokumen selepas membuat permohonan secara atas talian?**  
Tidak. Pemohon hanya perlu mengisi dan melengkapkan permohonan secara atas talian (*online*). Penghantaran dokumen hanya perlu dibuat setelah pihak kami meminta pemohon berbuat demikian.
- 12. Bilakah saya boleh membuat semakan keputusan?**  
Pemohon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di emel masing-masing dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini.
- 13. Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi MARA sekiranya ada sebarang pertanyaan?**  
Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi talian seperti berikut:-  
Telefon : 03-2613 2518 / 2051 / 2059 / 2100  
Emel : [tesp@mara.gov.my](mailto:tesp@mara.gov.my)

**TAMAT**